




## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 24 – 26 OGOS 2021

BIL. 33 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 26 Ogos 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,359,791** atau 82.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **265,841 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **24,599 yang merupakan kes harian tertinggi setakat ini** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,640,843 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **24,591 kes** daripada catatan harian dengan **80.2 peratus** dikesan melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala kes **import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.9 peratus**, Zon Selatan (16.1 peratus), Wilayah Malaysia Timur (15.2 peratus), Zon Utara (14.1 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **6,936 kes** disusuli Sabah (3,487 kes), Johor (2,785 kes), Pulau Pinang (2,078 kes), Sarawak (2,024 kes), Kedah (1,538 kes) dan Kelantan (1,312 kes). Sejumlah **15,211 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **393 kematian terbaru** yang juga merupakan bilangan kematian harian tertinggi setakat ini.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 24 Ogos 2021 menunjukkan seramai **18,631,593** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **3,940,583** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,690,909. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (1,916,988), Sarawak (1,839,333), Sabah (1,487,672), Perak (1,118,358) dan Pulau Pinang (1,082,293). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **32.6 juta dos** bagi dos pertama dan kedua sementara jumlah pendaftaran bagi program vaksinasi telah mencecah 21.1 juta orang.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
  - EU: **Harga pengeluar Germany meningkat pada kadar terpantas sejak tahun 1975.** Laporan oleh DESTATIS menunjukkan indeks harga pengeluar meningkat 10.4% tahun ke tahun pada bulan Julai, berikutan kenaikan 8.5% pada bulan Jun. Tidak termasuk tenaga, harga

pengeluar meningkat 7.4% pada bulan Julai, menyusuli kenaikan 6.0% pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, inflasi harga pengeluar keseluruhan meningkat kepada 1.9% daripada 1.3% pada bulan Jun. (RTT)

- EU: **Pengeluar Germany menghadapi tekanan yang meningkat dari China di pasaran domestik.** Eksport China ke rantau Eropah mengandungi lebih banyak barang industri canggih seperti jentera, farmaseutikal dan produk automotif, yang telah lama didominasi oleh pengeluar Germany. Kajian menunjukkan sumbangan produk tersebut dalam semua import EU dari China meningkat dari 50.7% pada tahun 2000 kepada 68.2% pada tahun 2019. (Bloomberg)
- UK: **Jualan runcit Julai menurun dipengaruhi musim bola sepak dan peningkatan jangkitan COVID-19.** Menurut ONS, peruncit melaporkan jumlah jualan turun -2.5% bulan ke bulan dari bulan Jun, penurunan terbesar sejak Januari 2021. (Reuters)
- CHINA: **Import kacang soya dari Brazil turun akibat margin keuntungan yang rendah.** China yang merupakan pengimport utama kacang soya dunia, mengimport 7.88 juta tan dari Brazil pada bulan Julai, turun 3.7% daripada 8.18 juta pada tahun sebelumnya. Bagi Julai, jumlah import kacang soya China dari semua negara berjumlah 8.67 juta tan, turun 14.1% dari tahun sebelumnya. (Reuters)
- JAPAN: **Inflasi keseluruhan merosot -0.3% tahun ke tahun pada bulan Julai.** Pada asas perbandingan bulan ke bulan, kadar inflasi keseluruhan meningkat 0.2% berbanding 0.3% pada bulan sebelumnya. IHP teras, yang tidak termasuk kos makanan yang tidak menentu, turun -0.2% tahun ke tahun setelah menyusut -0.5% pada bulan sebelumnya. CPI teras meningkat 0.4% pada asas perbandingan bulan ke bulan. (RTT)
- AUSTRALIA: **PMI (Purchasing Managing Index) sektor Pembuatan perlahan pada Ogos.** Sektor Pembuatan di Australia terus berkembang pada bulan Ogos, walaupun pada kadar yang jauh lebih perlahan. Tinjauan terbaharu dari Markit Economics menunjukkan PMI sektor Pembuatan Australia rendah iaitu 51.7, turun dari 56.9 pada bulan Julai. Gangguan yang berlanjutan dari pandemik COVID-19 yang mempengaruhi permintaan dan pengeluaran. (RTT)
- SOUTH KOREA: **Data awalan eksport South Korea menunjukkan lonjakan** akibat permintaan yang tinggi walaupun peningkatan varian Delta COVID-19. Eksport meningkat 40.9% pada 20 hari pertama bulan Ogos dari tahun sebelumnya. Peningkatan ini sebahagiannya difaktorkan kesan asas yang rendah apabila eksports turun -7.5% pada tempoh yang sama tahun lalu. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Prospek ekonomi jangka pendek Malaysia** terus menghadapi cabaran berdasarkan kepada **penurunan kadar pertumbuhan Indeks Pelopor (IP)**. **Perubahan tahunan IP negara meningkat 0.5 peratus pada Jun 2021** kepada 105.6 mata berbanding 105.1 mata. Peningkatan ini **disumbangkan terutamanya oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain** yang didorong oleh import logam berasaskan tembaga.
2. **Pemulihan ekonomi berterusan** berikutan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat **dijangka mengurangkan risiko penurunan berterusan skor Indikator Tadbir Urus Dunia (WGI) Bank Dunia bagi Malaysia**. Kemerosotan skor WGI akan meningkatkan kemungkinan penurunan penarafan daripada agensi penarafan kredit terutamanya Fitch Ratings dan Moody's Investors Service.
3. **Harga minyak mentah** diunjurkan berlegar sekitar **AS\$70 setong** pada tahun ini susulan **ketidaktentuan** disebabkan pandemik **COVID-19** di **peringkat global**.
4. **Pengimport minyak sawit terbesar dunia, India** dijangka **meningkatkan pembelian** daripada pengeluar utama komoditi berkenaan, **Malaysia dan Indonesia**. India yang juga mempunyai kepadatan penduduk kedua tertinggi di dunia bergantung kepada bekalan minyak masak dari luar negara sehingga 70 peratus. **Penghantaran minyak sawit dijangka akan lebih tinggi tahun ini** bermula 1 November depan **berbanding anggaran lapan juta tan pada 2020-2021**.
5. **Eksport produk minyak kelapa sawit Malaysia** bagi tempoh **1 hingga 25 Ogos turun 12.27%** kepada **988,809 tan**, berbanding 1,127,146 tan yang dieksport pada 1 hingga 25 Julai, menurut syarikat pemeriksaan bebas AmSpec Agri Malaysia.
6. **Harga minyak jatuh** di tengah kebimbangan baru mengenai pemulihan permintaan kerana **lebih banyak sekatan dikenakan** untuk mengekang jangkitan COVID-19.
7. **Pasaran getah Malaysia** meneruskan **kerugian** untuk ditutup rendah Rabu sejajar dengan **prestasi lemah** di **pasaran niaga hadapan getah serantau**.
8. **Kekurangan bekalan cip semikonduktor dari Malaysia** susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19, **menjejaskan pengeluaran**

**kenderaan syarikat automotif utama dunia** termasuk Ford Motor Co. Ford terpaksa menghentikan sementara pengeluaran trak pikap popularnya, F-150 di salah satu kilang pengeluarannya di Amerika Syarikat (AS).

9. **Persatuan Hotel Malaysia (MAH)** menganggarkan kira-kira **120 hotel** terpaksa **ditutup** sehingga kini, sama ada buat sementara atau sepenuhnya akibat pandemik COVID-19. Ketua Pegawai Eksekutif MAH, Yap Lip Seng, berkata industri hotel mengalami **kerugian lebih RM6.5 bilion** dari segi pendapatan pada **2020** dan berkemungkinan sebanyak **RM9 bilion** lagi setakat **tahun ini**.
10. **Industri penerbangan** negara **dijangkakan** untuk kembali **beroperasi** pada **suku tahun keempat 2021** dan **pulih** sepenuhnya seperti sebelum pandemik pada tahun **2022**. Pemulihan ini dilihat akan berlaku sekiranya situasi pandemik bertambah baik seperti yang diunjurkan.
11. **Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) dijangka** mencatatkan **kerugian bersih** sebanyak **RM807.31 juta** pada tahun kewangan berakhir 31 Disember **2021** berbanding jangkaan awal kerugian bersih RM687.6 juta. Kerugian ini dijelaskan dengan penurunan jumlah penumpang sebanyak 60% tahun-ke-tahun pada tahun kewangan 2021 berbanding 20% penguncutan yang dijangka sebelum ini.
12. AirAsia Group Bhd melancarkan **AirAsia Ride**, sebuah **perkhidmatan e-hailing** yang menawarkan **pengguna memilih sendiri pemandu**. AirAsia Ride telah mempunyai kira-kira 1,500 pemandu berdaftar pada masa ini dan bakal menambah lagi 5 ribu dalam enam bulan akan datang.
13. Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) telah **membayar faedah sebanyak RM11.11 juta kepada waris pencarum layak yang meninggal dunia akibat pandemik COVID-19**. Bayaran tersebut melibatkan hampir 11,100 penerima yang permohonannya diluluskan termasuk kategori Pencen Penakat di bawah Skim Keilatan dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) di bawah Skim Bencana Pekerjaan.
14. Harga runcit petrol **RON95 dan diesel**, masing-masing **kekal pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter** bagi tempoh mulai Khamis hingga 1 September ini, manakala harga runcit petrol **RON97 turun dua sen seliter** daripada RM2.74 kepada RM2.72. Bagi **melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak** di pasaran global, kerajaan **mengekalkan harga runcit petrol RON95 dan diesel**, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.

15. Inisiatif **Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin** menggalakkan golongan **B40 menyertai bidang keusahawanan** terutama bagi mereka yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19. Sehingga 31 Julai yang lalu sebanyak **14,330 perniagaan baharu telah didaftarkan** di bawah inisiatif skim tersebut.
16. Pada tahun **2020**, **industri pelancongan Kelantan** terjejas dan mengalami **kerugian** sebanyak **RM2.6 bilion** berikutan **penyusutan** lebih **2.2 juta pelawat**. Beberapa bantuan disalurkan kepada pemain industri ini melebihi RM724,750. Antara bantuan yang disalurkan wang tunai RM1,000 kepada agensi pelancongan, penggiat seni, pemandu beca dan sebagainya.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b> 24 Ogos 2021 (Non-essential)	<p><b>Pahang salur RM48.9 juta bantu golongan terkesan PKP</b></p> <p>Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan RM48.9 juta bagi membantu rakyat yang terkesan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 hingga PKP 3.0.</p> <p>Sebanyak RM24.39 juta disumbangkan untuk PKP 1.0 dengan melibatkan lima fasa. Manakala RM9.65 juta diperuntukkan sepanjang PKP 2.0, seterusnya RM15.84 juta diperuntukkan untuk PKP 3.0 melibatkan tiga fasa.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157379/KHAS/Covid-19/Pahang-salur-RM489-juta-bantu-golongan-terkesan-PKP">https://www.sinarharian.com.my/article/157379/KHAS/Covid-19/Pahang-salur-RM489-juta-bantu-golongan-terkesan-PKP</a>
2.	<b>Metro</b> 25 Ogos 2021 (Non-essential)	<p><b>Industri pelancongan Kelantan rugi RM2.6 bilion</b></p> <p>Industri pelancongan Kelantan terjejas dan mengalami kerugian sebanyak RM2.6 bilion pada tahun 2020 berikutan penyusutan lebih 2.2 juta pelawat. Pengurangan kehadiran pelawat disebabkan oleh sekatan perjalanan dan pergerakan yang dihadkan bagi menekang penularan COVID-19.</p> <p>Bagi memastikan industri ini berdaya tahan, beberapa bantuan disalurkan berjumlah melebihi RM724,750 membabitkan pihak hotel, bot pelancong, pemandu pelancong dan sebagainya. Antara bantuan yang disalurkan wang tunai RM1,000 kepada</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746765/industri-pelancongan-kelantan-rugi-rm26-billion-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746765/industri-pelancongan-kelantan-rugi-rm26-billion-metrotv</a>

		agensi pelancongan, penggiat seni, pemandu beca dan sebagainya.	
3.	<b>Sinar Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>12 lokaliti di tiga negeri dikenakan PKPD</b></p> <p>Bermula 26 dan 27 Ogos, sebanyak 12 lokaliti di Sabah, Pahang dan Johor akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Di Sabah, sebanyak 10 lagi lokaliti akan dikenakan PKPD membabitkan daerah Telupid, Penampang, Ranau, Tawau, Kudat dan Papar bermula 27 Ogos hingga 9 September 2021 manakala di Pahang membabitkan daerah Bera. Sementara di Johor, Kampung Orang Asli Kuala Masai juga dikenakan PKPD bermula 26 Ogos sehingga 8 September.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157641/BERITA/Nasional/12-lokaliti-di-tiga-negeri-dikenakan-PKPD">https://www.sinarharian.com.my/article/157641/BERITA/Nasional/12-lokaliti-di-tiga-negeri-dikenakan-PKPD</a>
4.	<b>The Edge</b> 26 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Full recovery of domestic airline industry expected by end-2022 - Malaysia Airlines</b></p> <p>Malaysia Airlines Bhd is projecting the domestic airline industry to restart in the fourth quarter of 2021 and to reach its peak and being pre-pandemic levels by the end of 2022 if the current COVID-19 situation improves as projected. As for the international space, the airline is projecting a full recovery to happen only in 2023 or 2024.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/full-recovery-domestic-airline-industry-expected-end2022-%E2%80%94-malaysia-airlines">https://www.theedgemarkets.com/article/full-recovery-domestic-airline-industry-expected-end2022-%E2%80%94-malaysia-airlines</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Kerajaan Negeri Pahang telah menyalurkan bantuan berjumlah RM48.9 juta kepada rakyat yang terjejas melalui pelbagai agensi di bawah naungannya.
2. Pada tahun 2020, industri pelancongan Kelantan terjejas dan mengalami kerugian sebanyak RM2.6 bilion berikutan penyusutan lebih 2.2 juta pelawat. Beberapa bantuan disalurkan kepada pemain industri ini melebihi RM724,750. Antara bantuan yang disalurkan wang tunai RM1,000 kepada agensi pelancongan, penggiat seni, pemandu beca dan sebagainya.
3. Sebanyak 12 lokality di Sabah, Pahang dan Johor akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 26 dan 27 Ogos. Terdapat 10 daerah di Sabah yang terlibat diikuti 1 daerah di Pahang dan Johor.
4. Industri penerbangan negara dijangkakan untuk kembali beroperasi pada suku tahun keempat 2021 dan pulih sepenuhnya seperti sebelum pandemik pada tahun 2022. Pemulihan ini dilihat akan berlaku sekiranya situasi pandemik bertambah baik seperti yang diunjurkan.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dapat membantu mengurangkan impak PKP terhadap ekonomi negeri itu. Pada tahun 2020, KDNK Pahang mencatatkan penyusutan 5.9 peratus dan menyumbang sebanyak 4.1 peratus kepada KDNK nasional.
2. Pada tahun 2020, KDNK Kelantan menguncup 1.1 peratus berbanding pertumbuhan 5.6 peratus pada tahun sebelumnya. Struktur ekonomi Kelantan didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 68.9 peratus dan sektor Pertanian sebanyak 23.1 peratus. Sektor Perkhidmatan menyusut 1.0 peratus (2019: 4.9%) dipengaruhi oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman (-8.0%, 2019: 6.6%).
3. Pelaksanaan PKPD merupakan antara langkah pengekangan penularan COVID-19. Namun, pelaksanaan tersebut telah memberi kesan kepada ekonomi setempat. Pada tahun 2020, Sabah, Pahang dan Johor merekodkan penyusutan dengan masing-masing menguncup 9.5 peratus, 5.9 peratus dan 4.6 peratus.
4. Industri penerbangan merupakan antara aktiviti yang terkesan semasa pandemik COVID-19 dengan mencatatkan penurunan ketara pada negatif

<p>67.6 peratus pada tahun 2020. Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang berkesan dan unjuran situasi pandemik yang semakin pulih pada masa hadapan dijangka dapat membantu menggerakkan kembali industri ini. Kebangkitan industri penerbangan udara ini juga secara tidak langsung akan memacu industri pelancongan negara.</p>			
<b>B.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>Sinar Harian</b> 24 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Perodua sambung operasi pusat jualan, pusat servis</b></p> <p>Perodua menyambung operasi pusat jualan dan selepas jualan termasuk perniagaan badan kenderaan dan cat di seluruh negara. Perodua menjelaskan pembukaan semula pusat jualan dan selepas jualan itu adalah susulan penyambungan operasi kemudahan pembuatannya di ibu pejabat yang terletak di Sungai Choh, Rawang, Selangor baru-baru ini.</p> <p>Secara keseluruhannya, Perodua mempunyai 191 pusat jualan, 197 pusat servis serta 69 perniagaan badan kereta dan cat di seluruh negara.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157439/BISNES/Perodua-sambung-operasi-pusat-jualan-pusat-servis">https://www.sinarharian.com.my/article/157439/BISNES/Perodua-sambung-operasi-pusat-jualan-pusat-servis</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Lebih 3,800 jenama baharu sertai 'Jualan 9.9 Lazada'</b></p> <p>Lebih 3,800 jenama baharu termasuk Nike, La Mer dan Aesop, akan menyertai LazMall bagi 'Jualan 9.9 Lazada' buat julung kali tahun ini dengan memberikan lebih banyak pilihan barang berkualiti tinggi kepada pembeli dalam talian.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/08/855992/lebih-3800-jenama-baharu-sertai-jualan-99-lazada">https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/08/855992/lebih-3800-jenama-baharu-sertai-jualan-99-lazada</a>

		Lazada, platform e-dagang terkemuka di rantau ini, melancarkan pesta jualan akhir tahunnya dengan beribu jenama dan penjual di seluruh Malaysia akan menyertai '9.9 Biggest Brands Sale'.	
3.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>Harga minyak mentah Brent diunjur AS\$70 setong tahun ini</b></p> <p>Harga minyak mentah diunjurkan berlebar sekitar AS\$70 setong pada tahun ini susulan ketidaktentuan disebabkan pandemik COVID-19 di peringkat global. Tujuh bulan pertama tahun ini, secara purata harga minyak Brent melonjak lebih dari 50 peratus, meningkat kepada AS\$80 setong untuk pertama kalinya dalam tempoh lebih daripada dua setengah tahun.</p> <p>Tetapi kenaikan harga minyak terhad dan ia merosot selama enam hari berturut-turut bermula 12 Ogos lalu. Minyak mentah Brent turun kepada AS\$68.23 setong. Penanda aras global itu telah kehilangan 14 peratus bermula dari akhir bulan Julai hingga 20 Ogos. WTI pula turun 15 peratus kepada AS\$62 setong dalam tempoh sama.</p> <p>Tren positif harga minyak boleh berakhir secara tiba-tiba sekiranya bank pusat global mula menaikkan kadar faedah tanpa dijangka didorong oleh kerisauan mengenai inflasi.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855730/harga-minyak-mentah-brent-diujur-as70-setong-tahun-ini">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855730/harga-minyak-mentah-brent-diujur-as70-setong-tahun-ini</a>

4.	<b>Sinar Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Pasaran getah ditutup rendah seiring prestasi lemah serantau</b></p> <p>Pasaran getah Malaysia meneruskan kerugian yang dicatatkan pada Selasa untuk ditutup rendah Rabu sejajar dengan prestasi lemah di pasaran niaga hadapan getah serantau. Pasaran turut terjejas kerana kejatuhan harga minyak mentah selain daripada pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penurunan itu disekat oleh sentimen yang lebih baik iaitu kenaikan dalam pasaran ekuiti global berikutan kemajuan pemberian vaksin COVID-19 yang memberangsangkan serta kebimbangan yang kian mereda terhadap pengurangan rangsangan Rizab Persekutuan AS.</p> <p>Sementara itu niaga hadapan getah Jepun jatuh pada Rabu selepas kerajaan negara itu dilaporkan akan memperluaskan perintah darurat untuk membendung peningkatan kes COVID-19 yang semakin mengancam sistem perubatan negara berkenaan.</p> <p>Dalam perkembangan lain, harga minyak mentah mereda buat seketika selepas bergerak rancak minggu ini, didorong oleh kehilangan seperempat daripada pengeluaran Mexico dan tandatanda China, pengimport terbesar dunia telah berjaya memerangi pandemik COVID-19 baru-baru ini.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157632/BISNES/Pasar/getah-ditutup-rendah-seiring-prestasi-lemah-serantau">https://www.sinarharian.com.my/article/157632/BISNES/Pasar/getah-ditutup-rendah-seiring-prestasi-lemah-serantau</a>
----	---	---	---

5.	<b>New Straits TImes</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>BMW Motorrad Malaysia introduces new R1250 GS, Adventure</b> <p>Forty years ago, BMW invented the dual sport category with the introduction of the R80 G/S. Four decades later, the G/S moniker is now GS, and stands for the ultimate on and off-road motorcycle you can buy. BMW culminates the 40 years of riding excellence with the release of the new R1250 GS and R1250 GS Adventure.</p> <p>Dynamic Traction Control (DTC), which is lean angle sensitive ensures a high level of safety while 'Rain' and 'Road' riding modes are adapted to most conditions.</p> <p>A new 'Pro' riding mode is added to the Dynamic, Dynamic Pro, Enduro and Enduro Pro riding modes as standard, each with options that can be catered to the rider's needs. In the 'Pro' riding mode, dynamic engine brake control allows the rider to maintain control during rapid downshifts. Electronic cruise control and the 'Eco' riding mode is now standard equipment.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/cbt/2021/08/721115/bmw-motorrad-malaysia-introduces-new-r1250-gs-adventure">https://www.nst.com.my/cbt/2021/08/721115/bmw-motorrad-malaysia-introduces-new-r1250-gs-adventure</a>
6.	<b>New Straits TImes</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Suzuki Malaysia returns with six new models</b> <p>The demise of Suzuki Assemblers Malaysia saw the Suzuki brand unrepresented for quite some time here in Malaysia.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/cbt/2021/08/721127/suzuki-malaysia-returns-six-new-models">https://www.nst.com.my/cbt/2021/08/721127/suzuki-malaysia-returns-six-new-models</a>

		<p>Behind the scenes, however, the brand was being reborn and now taken over by Suzuki Malaysia Sdn Bhd, now the sole exclusive importer, distributor and assembler for Suzuki motorcycles, ATVs, spare parts and accessories.</p> <p>This is an exciting new beginning for Suzuki. We are not just back, but we are here with an even bigger commitment, one that will not only offer customers the very latest and most advanced motorcycles Suzuki has to offer but to elevate their riding and ownership experience to an even higher level.</p>	
<b>B. Subsektor Kewangan</b>			
7.	<b>The Edge</b> 26 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>Affin Bank net profit surges 85% due to higher net interest income</b></p> <p>Affin Bank Bhd's net profit for the second quarter ended June 30, 2021 surged 85% to RM174 million, from RM93.64 million in the previous year's corresponding quarter, amid higher net interest income (NII).</p> <p>In its filing with the bourse, the bank attributed the improvement to higher NII and net fee and commission income, as well as lower modification loss, which was offset by lower gain on sales of financial instruments and higher allowance for impairment losses and operating expenses.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/affin-bank-net-profit-surges-85-due-higher-net-interest-income">https://www.theedgemarkets.com/article/affin-bank-net-profit-surges-85-due-higher-net-interest-income</a>

	<b>C. Subsektor Penginapan</b>		
8.	<b>Sinar Harian 24 Ogos 2021 (Essential)</b>	<p><b>Industri perhotelan dijangka rugi RM9 bilion lagi</b></p> <p>Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menjangkakan industri perhotelan negara akan mengalami kerugian sebanyak RM9 bilion lagi pada tahun 2021 selepas kehilangan lebih RM6.5 bilion pendapatan pada tahun lepas. Presidennya, Datuk N Subramaniam berkata, kira-kira 120 hotel dalam negara ini sudah ditutup sama ada untuk sementara atau kekal.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157384/BERITA/Nasional/Industri-perhotelan-dijangka-rugi-RM9-bilion-lagi">https://www.sinarharian.com.my/article/157384/BERITA/Nasional/Industri-perhotelan-dijangka-rugi-RM9-bilion-lagi</a>
	<b>D. Subsektor Kesihatan</b>		
9.	<b>New Straits Times 24 Ogos 2021 (Essential)</b>	<p><b>KPJ Healthcare posted lower net profit RM6.96mil for Q2</b></p> <p>KPJ Healthcare Bhd's net profit fell 45 per cent to RM6.96 million in the second quarter (Q2) ended June 30, 2021, from RM12.66 million a year ago. However, revenue rose 33 per cent to RM632.8 million in Q2 from RM475.85 million last year due to the better operational performance, aided by a less restrictive Movement Control Order (MCO) 3.0 effective in the quarter.</p> <p>For the period of six months ended June 30, 2021, KPJ Healthcare's net profit decreased 61 per cent to RM19.93 million from RM51.19 million, while revenue rose nine per cent to RM1.24 billion from RM1.14 billion last year.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/08/720908/kpj-healthcare-posted-lower-net-profit-rm696mil-q2">https://www.nst.com.my/business/2021/08/720908/kpj-healthcare-posted-lower-net-profit-rm696mil-q2</a>

		The increase in revenue was due to an increase in hospital activities and a higher number of patients.	
10.	<b>New Straits Times</b> 25 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>KPJ Healthcare to ride on new public-private collaborations in medicine, vaccine development, says MIDF Research</b></p> <p>KPJ Healthcare Sdn Bhd (KPJ) is likely to remain resilient in the long term, particularly in its domestic operations, given its continued support for economic recovery and continued focus on digital technology healthcare.</p> <p>MIDF Research said KPJ would also be on better footing, backed by promising higher bed occupancy rate (BOR) and patient visits, surgeries and admissions, and new public-private collaborations in medicine and vaccine development.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/08/721033/kpj-healthcare-ride-new-public-private-collaborations-medicine-vaccine">https://www.nst.com.my/business/2021/08/721033/kpj-healthcare-ride-new-public-private-collaborations-medicine-vaccine</a>
11.	<b>Astro Awani</b> 25 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>IJN pertama di Asia lakukan rawatan injap jantung inovatif</b></p> <p>Institut Jantung Negara (IJN) mencipta satu lagi kejayaan apabila menjadi hospital pertama di Asia berjaya melakukan inovatif baharu dalam rawatan injap jantung bagi pesakit yang menderita trikuspid regurgitasi atau injap jantung bocor.</p> <p>Rawatan dengan prosedur invasif minimum itu, melibatkan penggunaan sistem penghantaran pramuat injap</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ijn-pertama-di-asia-lakukan-rawatan-injap-jantung-inovatif-316044">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ijn-pertama-di-asia-lakukan-rawatan-injap-jantung-inovatif-316044</a>

	kering, yang disebut sistem Tricvalve Transcatheter Bicaval Valves (Bioprostheses).	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perodua menyambung operasi pusat jualan dan selepas jualan termasuk perniagaan badan kenderaan dan cat di seluruh negara dengan menjangkakan lebih banyak kereta Perodua dihasilkan dan didaftarkan dalam beberapa minggu akan datang.</li> <li>2. Lebih 3,800 jenama baharu termasuk Nike, La Mer dan Aesop, akan menyertai LazMall bagi 'Jualan 9.9 Lazada' dengan memberikan lebih banyak pilihan barang berkualiti tinggi kepada pembeli dalam talian.</li> <li>3. Harga minyak mentah diunjurkan berlegar sekitar AS\$70 setong pada tahun ini susulan ketidaktentuan disebabkan pandemik COVID-19 di peringkat global.</li> <li>4. Pasaran getah Malaysia meneruskan kerugian untuk ditutup rendah Rabu sejajar dengan prestasi lemah di pasaran niaga hadapan getah serantau.</li> <li>5. BMW Motorrad Malaysia memperkenalkan R1250 GS baru, Adventure.</li> <li>6. Suzuki Malaysia kembali dengan enam model baru.</li> </ol>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>7. <i>Affin Bank Bhd's net profit for the second quarter ended June 30, 2021 surged 85% to RM174 million, from RM93.64 million in the previous year's corresponding quarter, amid higher net interest income (NII).</i></li> <li>8. MAH telah melancarkan program MAH Cares, dengan memperuntukkan bantuan makanan bernilai RM200,000 melalui wakil persatuan negeri untuk mengedarkan barang keperluan dan bekalan makanan kepada pekerja dalam industri hotel yang memerlukan. Program ini mendapat tajaan daripada Yeo Hiap Seng (Yeo's), jenama makanan dan minuman isi rumah yang dikenali di Malaysia.</li> <li>9. <i>KPJ Healthcare Q2 revenue increased 33 per cent YoY to RM632.83 million from RM475.85 million on the back of higher contribution from Malaysian operations due to the active management of selected COVID-19 cases in KPJ hospitals, vaccination services at 25 vaccination centres registered with ProtectHealth Corp under the National Immunisation Programme and decanting of non-COVID-19 patients from public hospitals.</i></li> </ol>		

10. On the prospect, KPJ Healthcare said although economic and business activities have resumed, restricted cross-border movements and tighter standard operating procedures (SOP) continue to weigh on recovery efforts across the company's business operations. Looking ahead, the group expects conditions to remain challenging for the remainder of 2021.

11. Rawatan inovatif baharu seperti Tricvalve yang ditawarkan oleh IJN dapat membantu lebih ramai pesakit mengurangkan simptom dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula pusat jualan dan selepas jualan bagi industri automotif akan memberi impak positif kepada industri ini untuk kembali mengukuh dalam aktiviti ekonomi.
2. Penyertaan syarikat berjenama dalam jualan dalam talian yang dianjurkan oleh Lazada akan membuka ruang kepada peniaga khususnya aktiviti *non-essential* dapat membantu meningkatkan jualan dalam tempoh pelaksanaan PKP di seluruh negara.
3. Sumbangan aktiviti perbankan di dalam Perkhidmatan Kewangan adalah sebanyak 50%. Affin Bank Berhad merupakan salah satu dari 26 pertubuhan pemegang lesen bank komersial di Malaysia.
4. Bantuan dan inisiatif daripada kerajaan amat penting dalam membantu ekonomi industri pelancongan dan hotel yang semakin lumpuh akibat penularan wabak COVID-19. Kerjasama antara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan MAH haruslah diteruskan dalam membantu ribuan pekerja industri hotel yang terjejas akibat COVID-19.
5. Perkhidmatan kesihatan swasta masih akan terus terkesan akibat COVID-19 disebabkan kawalan pergerakan serta SOP yang perlu dipatuhi.
6. Inovatif baru dalam rawatan kesihatan yang disediakan akan membuka ruang peningkatan hasil dalam subsektor kesihatan.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>India dijangka tambah import sawit Malaysia, Indonesia</b></p> <p>Pengimport minyak sawit terbesar dunia, India dijangka meningkatkan pembelian daripada pengeluar utama komoditi berkenaan, Malaysia dan Indonesia apabila musim hujan monsun yang tidak menentu di negara itu menjaskan tanaman kacang soya serta kacang tanah.</p> <p>India yang juga mempunyai kepadatan penduduk kedua tertinggi di dunia bergantung kepada bekalan minyak masak dari luar negara sehingga 70 peratus.</p> <p>Penghantaran minyak sawit akan lebih tinggi tahun ini bermula 1 November depan berbanding anggaran lapan juta tan pada 2020-2021.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855841/india-dijangka-tambah-import-sawit-malaysia-indonesia">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855841/india-dijangka-tambah-import-sawit-malaysia-indonesia</a>
2.	<b>The Edge Market</b> 26 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Malaysia's Aug 1-25 palm oil exports fall 12.3% - AmSpec Agri</b></p> <p>Exports of Malaysian palm oil products for Aug 1-25 fell 12.27% to 988,809 tonnes, from 1,127,146 tonnes shipped during July 1-25, according to independent inspection company AmSpec Agri Malaysia on Wednesday.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-aug-125-palm-oil-exports-fall-123-%E2%80%94-amspec-agri">https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-aug-125-palm-oil-exports-fall-123-%E2%80%94-amspec-agri</a>

Penemuan penting & isu:

1. Pengimport minyak sawit terbesar dunia, India dijangka meningkatkan pembelian daripada pengeluar utama komoditi berkenaan, Malaysia dan Indonesia. India yang juga mempunyai kepadatan penduduk kedua tertinggi di dunia bergantung kepada bekalan minyak masak dari luar negara sehingga 70 peratus. Penghantaran minyak sawit dijangka akan lebih tinggi tahun ini bermula 1 November depan berbanding anggaran lapan juta tan pada 2020-2021.
2. Eksport produk minyak kelapa sawit Malaysia bagi tempoh 1 hingga 25 Ogos turun 12.27% kepada 988,809 tan, berbanding 1,127,146 tan yang dieksport pada 1 hingga 25 Julai, menurut syarikat pemeriksaan bebas AmSpec Agri Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. India merupakan destinasi utama eksport minyak kelapa sawit Malaysia dengan nilai eksport bagi separuh tahun pertama 2021 sebanyak RM6.3 bilion atau 25.3 peratus dari keseluruhan nilai eksport. Eksport minyak kelapa sawit ke India bagi separuh tahun pertama 2021 mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak RM5.5 bilion atau 651.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.
2. Nilai eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit bagi separuh tahun pertama 2021 adalah RM45.7 bilion dan mencatatkan peningkatan RM12.6 bilion atau 38.1 peratus tahun ke tahun. Volum eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit bagi separuh tahun pertama adalah 11.5 juta tan metrik dan menyusut sebanyak 0.6 juta tan metrik atau 5.0 peratus berbanding tahun sebelumnya.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 (Non-essential)	<p><b>Perunding pembinaan kini boleh beroperasi</b></p> <p>Syarikat perunding sektor Pembinaan dibenarkan beroperasi semula dalam Fasa 1 dan 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), berkuatkuasa 25 Ogos 2021.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/855961/perunding-pembinaan-kini-boleh-beroperasi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/855961/perunding-pembinaan-kini-boleh-beroperasi</a>

Penemuan penting & isu:

1. Permohonan untuk beroperasi hanya diperlukan bagi kawasan-kawasan di bawah PPN Fasa 1 dan Fasa 2 sahaja. Syarikat berkaitan di bawah kawasan PPN Fasa 1 dan Fasa 2 boleh membuat permohonan kebenaran beroperasi menerusi Sistem CIMS MITI. Walau bagaimanapun, semua syarikat itu harus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan serta kesemua syarat, peraturan dan SOP lain yang sedang berkuat kuasa.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengoperasian semula sektor perkhidmatan bagi profesional dan perundingan berkaitan sektor pembinaan akan mempercepatkan pemuliharaan ke atas prestasi sektor Pembinaan pada masa akan datang. Pada suku tahun kedua 2021, sebanyak 8.8 peratus kontraktor utama direkodkan tidak menjalankan aktiviti pembinaan dalam survei pembinaan suku tahunan berbanding 3.9 peratus pada suku pertama 2021. Semakan dan pemantauan ke atas projek-projek yang tertangguh atau lewat akan dibuat dari masa ke semasa dalam survei pembinaan suku tahunan.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge Market</b> 24 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>AmBank Research lowers earnings forecasts on MAHB amid slower travel recovery</b></p> <p>AmBank Research said it now expects Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) to post a wider net loss of RM807.3 million in the current financial year ending Dec 31, 2021 (FY21) compared with an earlier forecast for a net loss of RM687.6 million. The earnings downgrade is mainly to reflect a 60% year-on-year (y-o-y) contraction in passenger volume in FY21 versus a 20% contraction projected previously, amid the sustained high COVID-19 cases locally, that will further delay the recovery in the air travel industry. The group has access to RM3.1 billion</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/ambank-research-lowers-earnings-forecasts-mahb-amid-slower-travel-recovery">https://www.theedgemarkets.com/article/ambank-research-lowers-earnings-forecasts-mahb-amid-slower-travel-recovery</a>

		<p>funding comprising RM1.3 billion in ready revolving credit facilities and RM1.8 billion unutilised sukuk facility.</p> <p>AmBank Research is maintaining a "buy" call on MAHB, with a fair value of RM6.57. "We continue to like MAHB as: (1) we still believe that the air travel and tourism industries will eventually return to the growth path as the pandemic gradually comes under control with the large-scale rollouts of vaccination globally; (2) MAHB is a good proxy given its dominance in the airport segment locally, and its significant market share in Turkey; and (3) given its strategic position in the economy, we believe it warrants stronger support from various stakeholders that should help to tide it through the pandemic and the current downturn in the air travel market."</p>	
2.	<b>The Edge</b> 24 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Chip shortage set to worsen as COVID-19 rampages through Malaysia</b></p> <p>The number of COVID-19 infections is surging in Malaysia, threatening to aggravate shortages of semiconductors and other components that have hammered automakers for months. Malaysia emerged as a major centre for chip testing and packaging, with Infineon Technologies AG, NXP Semiconductors NV and STMicroelectronics NV among the key suppliers operating plants there. It would temporarily</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/chip-shortage-set-worsen-covid-rampages-through-malaysia">https://www.theedgemarkets.com/article/chip-shortage-set-worsen-covid-rampages-through-malaysia</a>

	<p>suspend production of its popular F-150 pickup truck at one US plant because of “a semiconductor-related part shortage, as a result of the COVID-19 pandemic in Malaysia. The situation could aggravate semiconductor shortages, already at crisis levels. Chip lead times, the gap between ordering a semiconductor and taking delivery, increased by more than eight days to 20.2 weeks in July.</p>	
--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) dijangka mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM807.31 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berbanding jangkaan kerugian bersih RM687.6 juta. Kerugian ini dijelaskan dengan penurunan jumlah penumpang sebanyak 60% tahun-ke-tahun pada tahun kewangan 2021 berbanding 20 peratus penguncutan yang dijangka sebelum ini. Tahun kewangan 2022 turut dijangka mencatatkan kerugian bersih RM265.6 juta berbanding keuntungan bersih RM261 juta yang diramal sebelum ini.
2. Peningkatan kes jangkitan COVID-19 dijangka akan mengancam kekurangan semikonduktor dan komponen lain seperti yang dialami oleh pembuat auto selama berbulan lamanya. Peningkatan kes yang tinggi menyebabkan *lockdown* akan berterusan dan menghalang operasi penuh kembali seperti normal. Perbehentian menghasilkan kenderaan terkenal mereka iaitu F-150 di US adalah berikutan kekurangan komponen dan bahagian berikutan pandemik di Malaysia. Tempoh tempahan dan penghantaran semi-konduktor meningkat lebih 8 hari kepada 20.2 minggu pada Julai berbanding bulan sebelumnya.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Dijangkakan MAHB bakal mencatat kerugian bagi tahun kewangan 2021 disebabkan oleh penurunan penumpang sebanyak 60% berbanding jangkaan 20% sebelum ini. Ini disebabkan oleh sekatan perjalanan yang masih berterusan berikutan penularan wabak COVID-19. Perkara ini akan memberi impak kepada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran khususnya komponen Pengangkutan. Pada suku kedua tahun 2021, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih tinggi pada RM8.1 bilion berbanding RM7.6 bilion pada suku sebelumnya.

2. Gangguan bekalan semikonduktor dan komponen kenderaan lain bagi pembuat auto bakal berterusan disebabkan oleh kilang terpaksa ditutup selama 2 minggu jika berlaku jangkitan COVID-19 di kilang serta kekurangan bahan bekalan bagi menghasilkan komponen. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan Imbalan Pembayaran terutamanya akaun Barang. Pada suku tahun kedua 2021, akaun ini mencatatkan eksport bersih sebanyak RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya.

<b>F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Prospek jangka pendek ekonomi negara mencabar</b></p> <p>Prospek ekonomi jangka pendek Malaysia terus menghadapi cabaran berdasarkan kepada penurunan kadar pertumbuhan Indeks Pelopor (IP). Menurut Ketua Perangkawan jangkaan itu juga sejajar dengan unjuran agensi antarabangsa dan nasional yang menjangkakan prospek ekonomi negara perlahan tahun ini.</p> <p>Perubahan tahunan IP negara meningkat 0.5 peratus pada Jun 2021 kepada 105.6 mata berbanding 105.1 mata. Peningkatan IP disumbangkan terutama oleh import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain yang didorong oleh import logam berdasarkan tembaga.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855772/prospek-jangka-pendek-ekonomi-negara-mencabar">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855772/prospek-jangka-pendek-ekonomi-negara-mencabar</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Pemulihan ekonomi kurangkan risiko penurunan penarafan kredit</b></p> <p>Prospek pemulihan ekonomi berterusan berikutan pembukaan semula ekonomi secara</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855721/pemulihan-ekonomi-kurangkan-risiko-penurunan-penarafan-kredit">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855721/pemulihan-ekonomi-kurangkan-risiko-penurunan-penarafan-kredit</a>

		<p>berperingkat dijangka mengurangkan risiko penurunan berterusan skor Indikator Tadbir Urus Dunia (WGI) Bank Dunia bagi Malaysia.</p> <p>Kenanga Investment Bank Bhd berkata, prospek pemulihan itu akan menjadi timbal balas ke atas ketidaktentuan politik dan dasar yang menjadi risiko utama penurunan penarafan WGI, walaupun dengan pelantikan Perdana Menteri Kesembilan, kerana susulan sokongan majoriti ke atas Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob adalah rendah.</p>	
3.	<b>Berita Harian</b> 20 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>120 hotel di Malaysia henti operasi akibat COVID-19</b></p> <p>Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menganggarkan kira-kira 120 hotel terpaksa ditutup sehingga kini, sama ada buat sementara atau sepenuhnya akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Industri perhotelan mengalami kerugian lebih RM6.5 bilion dari segi pendapatan pada 2020 dan berkemungkinan sebanyak RM9 bilion lagi setakat tahun ini.</p> <p>Mengakui kesukaran dihadapi peserta dalam industri ini, MAH sejak awal pandemik telah melobi sokongan dan bantuan daripada kerajaan termasuk pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pelancongan domestik. Oleh itu, MAH melancarkan program MAH Cares, dengan memperuntukkan bantuan makanan bernilai</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855404/120-hotel-di-malaysia-henti-operasi-akibat-covid-19">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/855404/120-hotel-di-malaysia-henti-operasi-akibat-covid-19</a>

		RM200,000 melalui wakil persatuan negeri untuk mengedarkan barang keperluan dan bekalan makanan kepada pekerja dalam industri hotel yang memerlukan.	
--	--	--	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Prospek ekonomi jangka pendek Malaysia terus menghadapi cabaran berdasarkan kepada penurunan kadar pertumbuhan Indeks Pelopor (IP). Perubahan tahunan IP negara meningkat 0.5 peratus pada Jun 2021 kepada 105.6 mata berbanding 105.1 mata. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain yang didorong oleh import logam berdasarkan tembaga.
2. Pemulihan ekonomi berterusan berikutan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat dijangka mengurangkan risiko penurunan berterusan skor Indikator Tadbir Urus Dunia (WGI) Bank Dunia bagi Malaysia. Kemerosotan skor WGI akan meningkatkan kemungkinan penurunan penarafan daripada agensi penarafan kredit terutamanya Fitch Ratings dan Moody's Investors Service.
3. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menganggarkan kira-kira 120 hotel terpaksa ditutup sama ada buat sementara atau sepenuhnya akibat pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, industri perhotelan mengalami kerugian sebanyak RM6.5 bilion manakala sebanyak RM9 bilion pada tahun 2021.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Penurunan kadar pertumbuhan Indeks Pelopor (IP) terlicin walaupun kekal di atas trend, IP menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia jangka pendek terus menghadapi cabaran. Pada Jun 2021, IP mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5 peratus kepada 105.6 mata daripada 105.1 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini sejajar dengan ramalan oleh agensi antarabangsa dan nasional yang menjangkakan prospek ekonomi yang perlahan bagi Malaysia pada 2021.
2. Pelbagai inisiatif kerajaan untuk menyokong kelangsungan perniagaan dengan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial akan memberikan impak positif kepada ekonomi. Secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penurunan skor Indikator Tadbir Urus Dunia (WGI). Situasi ini akan mendorong kepada peningkatan keyakinan pelabur dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Utusan Malaysia</b> 24 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>500 penjaja terima sumbangan Gas Malaysia, PPZ-MAIWP</b>  Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) bersama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) mengedarkan bantuan barang keperluan asas kepada 500 penjaja kecil yang terkesan akibat penularan COVID-19.	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/500-penjaja-terima-sumbangan-gas-malaysia-ppz-maiwp/">https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/500-penjaja-terima-sumbangan-gas-malaysia-ppz-maiwp/</a>
2.	<b>Utusan Malaysia</b> 24 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Kelantan salur RM18.77 juta bantu rakyat terjejas pandemik</b>  Kerajaan negeri Kelantan membelanjakan sejumlah RM18.77 juta bagi menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 setakat tujuh bulan pertama tahun ini.	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/kelantan-salur-rm18-77-juta-bantu-rakyat-terjejas-pandemik/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/kelantan-salur-rm18-77-juta-bantu-rakyat-terjejas-pandemik/</a>
3.	<b>Harian Metro</b> 25 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Harga purata runcit telur ayam, ayam bersih stabil – KPDNHEP</b>  Pemantauan Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati harga purata runcit telur ayam dan ayam bersih standard berada pada paras stabil.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/747012/harga-purata-runcit-telur-ayam-ayam-bersih-stabil-kpdnhep">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/747012/harga-purata-runcit-telur-ayam-ayam-bersih-stabil-kpdnhep</a>
4.	<b>Sinar Harian</b> 25 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Harga RON95 dan diesel kekal, RON97 turun dua sen</b>  Harga runcit petrol RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter bagi tempoh mulai Khamis hingga	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157613/BERITA/Nasional/Harga-RON95-dan-diesel-kekal-RON97-turun-dua-sen">https://www.sinarharian.com.my/article/157613/BERITA/Nasional/Harga-RON95-dan-diesel-kekal-RON97-turun-dua-sen</a>

		1 September ini manakala harga runcit petrol RON97 turun dua sen seliter daripada RM2.74 kepada RM2.72.	
5.	<b>Reuters</b> 26 Ogos 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Oil prices fall first day in four as virus concerns return</b></p> <p>Oil fell on Thursday for the first session in four amid renewed concerns about demand recovery as more restrictions are imposed to curb COVID-19 infections.</p>	<a href="https://www.reuters.com/business/energy/oil-prices-fall-first-day-four-virus-concerns-return-2021-08-26/">https://www.reuters.com/business/energy/oil-prices-fall-first-day-four-virus-concerns-return-2021-08-26/</a>

Penemuan penting & isu:

1. Sejumlah RM50,000 bekalan makanan seperti beras, minyak masak, gula, sardin dan biskut diberikan kepada penjaja yang terkesan menerusi wakil Yang Dipertua Persatuan Penjaja-Penjaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah.
2. Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, jika mengambil kira peruntukan disalurkan oleh kerajaan pusat sebanyak RM13.5 juta, jumlah keseluruhan bantuan kepada rakyat Kelantan mencecah RM32.7 juta.
3. Hasil pemantauan dan analisis diperoleh daripada peringkat pengeluar dan pemborong oleh Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) menunjukkan harga jualan telur ayam bagi Gred A sekitar 37 hingga 38 sen sebiji, Gred B (34 hingga 38 sen) dan Gred C (33 hingga 37 sen) dengan margin keuntungan antara satu hingga tiga sen setiap biji. Pemantauan turut mendapati terdapat peniaga masih menjual dengan harga lebih rendah berbanding daripada harga kos.
4. Harga runcit petrol RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter bagi tempoh mulai Khamis hingga 1 September ini manakala harga runcit petrol RON97 turun dua sen seliter daripada RM2.74 kepada RM2.72. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 dan diesel, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.
5. Harga minyak jatuh di tengah kebimbangan baru mengenai pemulihan permintaan kerana lebih banyak sekatan dikenakan untuk mengekang jangkitan COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Keadaan harga purata telur ayam yang stabil sepanjang Ogos ini akan meredakan tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol. Harga purata bagi 10 biji telur ayam pada Julai 2021 bagi Gred A, Gred B dan Gred C masing-masing adalah RM4.02, RM3.72 dan RM3.45.
3. Penurunan harga RON97 akan merendahkan purata harga bahan api ini pada Ogos 2021 dan sekali gus meredakan tekanan kepada inflasi kumpulan Pengangkutan terutamanya bagi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian yang terkesan akibat daripada indeks asas yang rendah dari tahun sebelumnya. Pada Julai 2021, inflasi subkumpulan ini meningkat kepada 21.8 peratus dengan purata harga RON adalah RM 2.72 berbanding RM1.99 pada Julai 2020. Manakala purata harga RON 95 dan Diesel masing-masing mencatatkan RM2.05 (Julai 2020: RM1.69) dan RM2.15 (Jun 2020: RM1.85).
4. Minyak mentah merupakan komoditi utama dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dan memberi sumbangan besar dalam penentuan prestasi IHPR. Kesan daripada kejatuhan harga minyak berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan akan dapat dilihat dalam prestasi IHPR pada Ogos 2021. Selain itu, kesan kejatuhan ini juga secara tidak langsung merendahkan harga runcit minyak dan memberi impak kepada Indeks Harga Pengguna pada Ogos 2021.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Utusan Malaysia</b> 25 Ogos 2021 (Non-Essential)	<b>Selangor tertinggi kematian; 69 kes meninggal di rumah</b>  Selangor kembali menjadi penyumbang kematian COVID-19 tertinggi iaitu 105 kes daripada jumlah hari ini iaitu	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/selangor-tertinggi-kematian-69-kes-meninggal-di-rumah/">https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/selangor-tertinggi-kematian-69-kes-meninggal-di-rumah/</a>

		265 kes selepas diatasi Johor selama dua hari berturut-turut.	
2.	<b>Sinar Harian</b> 26 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>42.4 peratus populasi Malaysia lengkap dua dos vaksin</b></p> <p>Sebanyak 42.4 peratus populasi keseluruhan di Malaysia atau 13,842,928 individu telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19 setakat semalam, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157699/KHAS/Covid-19/424-peratus-populasi-Malaysia-lengkap-dua-dos-vaksin">https://www.sinarharian.com.my/article/157699/KHAS/Covid-19/424-peratus-populasi-Malaysia-lengkap-dua-dos-vaksin</a>

#### Penemuan penting & isu:

1. Johor pula menduduki tangga kedua dengan 39 kes diikuti 23 kes di Sabah, 19 kes di Kedah, masing-masing 18 kes di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, 12 kes di Negeri Sembilan, sembilan kes di Perak, enam kes di Sarawak, masing-masing lima kes di Kelantan dan Pahang, empat kes di Melaka serta dua kes di Terengganu. Kematian melibatkan 161 lelaki dan 104 wanita dengan 46 warga asing dan seramai 199 daripada 265 kes, mempunyai pelbagai latar belakang penyakit. Selain itu, seramai 69 pesakit meninggal dunia di rumah sebelum dibawa ke hospital untuk tindakan susulan dengan termasuk 18 warga asing.
2. Kluster tempat kerja terus menjadi penyumbang terbanyak iaitu 23 kluster serta 13 kluster komuniti serta lima kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan. Kluster tempat kerja melibatkan Selangor dan Johor, masing-masing mencatatkan lima kluster; Kelantan, Perak dan Pulau Pinang, masing-masing tiga kluster; dua di Kedah manakala Kuala Lumpur dan Pahang, masing-masing satu kluster. Kluster komuniti, lima di Kelantan; Perak dan Terengganu, masing-masing dua kluster manakala Johor, Negeri Sembilan, Sarawak, Selangor, masing-masing satu kluster. Bagi kluster kumpulan berisiko tinggi, dua di Johor serta Perak, Sarawak dan Selangor, masing-masing satu kluster manakala kluster pusat tahanan, satu di Johor.
3. Seramai 18,792,979 individu atau 57.5 peratus sudah menerima dos pertama menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini 32,635,907 dos. Peratusan populasi dewasa yang menerima kedua-dua dos meningkat kepada 59.1 peratus setakat semalam berbanding 58 peratus, pada Isnin. Dalam pada itu, vaksinasi harian semalam pula sekali lagi mencatat peningkatan kepada 423,380 dos berbanding 420,164 dos pada Isnin, dengan 261,994 daripadanya merupakan dos kedua dan baki 161,386

adalah dos pertama. PICK dilancarkan pada 24 Februari lepas bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik COVID-19 di seluruh negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b> 24 Ogos 2021 (Non-Essential)	<b>30 peratus kes COVID-19 harian di Sarawak babitkan kanak-kanak, remaja</b>  Sebahagian besar kes harian COVID-19 yang direkodkan di Sarawak membabitkan golongan yang belum layak diberikan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746252/30-peratus-kes-COVID-19-harian-di-sarawak-babitkan-kanak-kanak-remaja">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746252/30-peratus-kes-COVID-19-harian-di-sarawak-babitkan-kanak-kanak-remaja</a>

		<p>imunisasi iaitu kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun.</p> <p>Kebelakangan ini sebanyak 25 hingga 30 peratus kes harian dikesan membabitkan golongan tersebut. Sarawak kini dalam fasa akhir persiapan untuk memberi vaksin COVID-19 kepada golongan remaja. Langkah itu dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat dan ia akan diumumkan sebaik persiapan sepenuhnya dibuat.</p>	
2.	<b>Harian Metro</b> 24 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Inisiatif galak B40 sertai bidang keusahawanan</b></p> <p>Sebanyak 14,330 perniagaan baharu didaftarkan di bawah inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin sehingga 31 Julai lalu.</p> <p>Inisiatif diperkenalkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) itu menyediakan pendaftaran perniagaan percuma kepada pengusaha dari kumpulan B40 dan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) yang berminat menjalankan perniagaan.</p> <p>Pendaftaran percuma ini akan membuka ruang dan menarik minat golongan B40 untuk menerokai bidang keusahawanan sebagai sumber pendapatan terutama bagi mereka yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746442/inisiatif-galak-b40-sertai-bidang-keusahawanan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746442/inisiatif-galak-b40-sertai-bidang-keusahawanan</a>

3.	<b>Harian Metro</b> 25 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Program Jaringan Prihatin dilanjutkan sehingga 30 September</b> <p>Program Jaringan Prihatin dilancarkan pada Mei lalu khusus untuk golongan B40 akan dilanjutkan sehingga 30 September ini sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.</p> <p>Program itu memberi bantuan sebanyak RM180 atau RM300 kepada kumpulan berkenaan untuk membolehkan mereka memiliki telefon pintar atau menikmati pelan jalur lebar internet.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746828/program-jaringan-prihatin-dilanjutkan-sehingga-30-september">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746828/program-jaringan-prihatin-dilanjutkan-sehingga-30-september</a>
----	---	---	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Sebahagian besar kes harian COVID-19 yang direkodkan di Sarawak membabitkan golongan yang belum layak diberikan imunisasi iaitu kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun. Kebelakangan ini sebanyak 25 hingga 30 peratus kes harian dikesan membabitkan golongan tersebut.
2. Inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin menggalakkan golongan B40 menyertai bidang keusahawanan terutama bagi mereka yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19. Sehingga 31 Julai yang lalu sebanyak 14,330 perniagaan baharu telah didaftarkan di bawah inisiatif skim tersebut.
3. Program Jaringan Prihatin yang dilancarkan pada Mei lalu khusus untuk golongan B40 akan dilanjutkan sehingga 30 September ini sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kanak-kanak adalah golongan yang masih belum layak diberikan vaksin COVID-19 dan berisiko untuk dijangkiti wabak berkenaan. Sehubungan dengan itu, ibu bapa adalah dinasihatkan memainkan peranan untuk memastikan persekitaran anak mereka sentiasa berada di dalam keadaan selamat. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan

<p>kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah di Sarawak pada 2020 adalah seramai 773.7 ribu orang.</p> <p>2. Inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin dan Program Jaringan Prihatin dapat membantu golongan B40 yang terkesan terutamanya semasa pandemik ini. Berdasarkan MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849.</p>			
<b>J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)</b>			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b> 23 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Tanaman cendawan beri hasil lumayan</b>  Usahawan cendawan, Mohd Syukor Ahmad, 42 berkata, keputusan yang dibuat tujuh tahun lalu itu akhirnya berbaloi apabila dapat mengusahakan tanaman cendawan tiram kelabu di atas tanah seluas 1.6 hektar.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/157095/BISNES/Tanaman-cendawan-beri-hasil-lumayan">https://www.sinarharian.com.my/article/157095/BISNES/Tanaman-cendawan-beri-hasil-lumayan</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Permintaan cendawan kelabu berkurang apabila berlaku pandemik COVID-19 dengan hanya anggaran jualan kira-kira 30kg dengan harga RM12 per kg. Mohd Syukor usahawan cendawan kelabu telah mengambil langkah drastik untuk memastikan perniagaan memberi keuntungan dengan mengurangkan kakitangan di ladang dan membuat penghantaran terus jualan kepada pelanggan.</li> </ol>			
<b>Maklumbalas Bahagian:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Merujuk kepada Penerbitan Perangkaan Agromakanan 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, pengeluaran cendawan pada 2020 mencatatkan 8,798 tan metrik dengan keluasan bertanam adalah 233 hektar. Merujuk Laporan Banci Ekonomi 2016, penglibatan 11 pertubuhan telah direkodkan dibawah industri Penanaman tumbuhan untuk bebwang, ubi dan akar; keratan dan slips; dan cendawan.</li> </ol>			

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge Market 25 Ogos 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>SOCSO pays out RM11.11 mil to beneficiaries of COVID-19 victims</b></p> <p>The Social Security Organisation (SOCSO) has disbursed a total of RM11.11 million to beneficiaries of eligible contributors who died of COVID-19 so far. It involved almost 11,100 recipients whose applications were approved through the Survivor's Pension category under the Invalidity Scheme and Dependents' Benefit under the Employment Injury Scheme.</p> <p>Total of RM200 million had also been disbursed through the Employment Insurance System (EIS) to almost 50,000 contributors who lost their jobs due to COVID-19 from January until July this year.</p> <p>The payment was based on the stipulated conditions, namely loss of employment through the closure of companies, downsizing, Voluntary Separation Scheme (VSS) and others.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/socso-pays-out-rm1111-mil-beneficiaries-covid-victims">https://www.theedgemarkets.com/article/socso-pays-out-rm1111-mil-beneficiaries-covid-victims</a>
2.	<b>The Edge Market 24 Ogos 2021 (Essential)</b>	<p><b>AirAsia launches AirAsia Ride e-hailing service under its super app</b></p> <p>AirAsia Group Bhd launched AirAsia Ride, an e-hailing service that will be rolled out in</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-launches-airasia-ride-ehailing-service-under-its-super-app">https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-launches-airasia-ride-ehailing-service-under-its-super-app</a>

		other states by the end of the year. AirAsia Ride has about 1,500 registered drivers currently, with 5,000 more to come on board in the next six months.	
--	--	--	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah membayar faedah sebanyak RM11.11 juta kepada waris pencarum layak yang meninggal dunia akibat pandemik COVID-19. Bayaran tersebut melibatkan hampir 11,100 penerima yang permohonannya diluluskan termasuk kategori Pencen Penakat di bawah Skim Keilatan dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) di bawah Skim Bencana Pekerjaan. Sebanyak RM200 juta telah dibayar melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) kepada hampir 50,000 pencarum yang hilang pekerjaan sejak Januari hingga Julai lepas akibat pandemik COVID-19. Bayaran tersebut adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan iaitu hilang pekerjaan kerana syarikat gulung tikar, pengecilan operasi, Skim Pemisahan Sukarela (VSS) dan sebagainya.
2. AirAsia Group Bhd melancarkan AirAsia Ride, sebuah perkhidmatan e-hailing yang menawarkan pengguna memilih sendiri pemandu. AirAsia Ride telah mempunyai kira-kira 1,500 pemandu berdaftar pada masa ini dan bakal menambah lagi 5 ribu dalam enam bulan akan datang.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Jun 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,066.2 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,297.5 ribu
  - iii) Penganggur: 768.7 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,456.8 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
  - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
2. Berdasarkan Laporan Tenaga Buruh, Malaysia bagi bulan rujukan Jun 2021 telah menyatakan komposisi terbesar penduduk bekerja adalah kategori pekerja dengan 77.6 peratus. Kategori ini berkurang sebanyak 56.7 ribu orang (-0.5%) kepada 11.9 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mei 2021: 11.9 juta orang). Manakala, penduduk bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit kecil; penjaja; penjual di pasar dan gerai

- serta pekebun kecil, merekodkan pertambahan sebanyak 4.1 ribu orang kepada 2.5 juta orang (Mei 2021: 2.5 juta orang).
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
    - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
    - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
    - iii) Penganggur: 764.9 ribu
    - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
    - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
  4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
    - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
    - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
    - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
    - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
    - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
    - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
  5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
    - i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
    - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
    - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
    - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
    - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
    - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)